

## **AKAUN HLB WALLET-i TERMA DAN SYARAT (“T&S”) ([English Version](#))**

Terma dan Syarat ini hendaklah dibaca secara keseluruhan dengan Terma dan Syarat Am Akaun, Terma dan Syarat Kad Debit-i Hong Leong, Terma dan Syarat Penggunaan HLB Connect dan mana-mana terma dan syarat lain yang berkaitan yang mungkin dikenakan oleh Hong Leong Islamic Bank Berhad (“**HLISB**”) dari semasa ke semasa.

### **KONTRAK SYARIAH**

1. Akaun HLB Wallet-i adalah akaun deposit Islamik berdasarkan kepada kontrak Syariah Tawarruq dan kontrak Syariah lain yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia (“**BNM**”), di mana perlu.

1.1 “**Tawarruq**” merujuk pada pelbagai transaksi jual beli. Mekanisme yang terlibat adalah:-

- i) HLISB, bertindak sebagai ejen, membeli Komoditi bagi pihak Pemegang Akaun (seperti yang ditakrifkan dalam Klausa 2 di bawah) dengan Harga Belian.
- ii) HLISB selepas itu sebagai ejen kepada Pemegang Akaun menjual Komoditi tersebut kepada HLISB dengan Harga Jualan berdasarkan Musawamah yang akan dibayar kepada Pemegang Akaun secara tertanggung sepanjang tempoh.
- iii) Selepas itu HLISB menjual Komoditi kepada pihak ketiga secara tunai dan serta merta.

Musawamah atau jualan tawar menawar/jualan rundingan adalah satu kontrak jualan tanpa pendedahan harga kos aset dan margin keuntungan kepada pembeli. Bagi tujuan produk ini, ia digunakan sebagai akaun tanpa keuntungan.

1.2 “**Hibah Bersyarat**” adalah satu bentuk kontrak sukarela (*tabarru'*). Hibah bersyarat ialah pemindahan hak milik sesuatu aset hibah daripada penderma kepada penerima secara unilateral dengan syarat-syarat tertentu yang telah ditetapkan. Dalam produk ini, hibah diberikan kepada Pemegang Akaun dalam bentuk pulangan tunai (jika ada) secara serta merta ke dalam akaun dengan syarat Pemegang Akaun telah melaksanakan beberapa transaksi pembayaran tertentu menggunakan pembayaran digital yang terpilih.

1.3 “**Bai' al-Sarf**” merujuk kepada kontrak pertukaran wang dengan wang daripada jenis yang sama atau berbeza. Bai' al-Sarf dalam Akaun HLB Wallet-i merujuk kepada situasi dalam Ciri Pelbagai Mata Wang di mana Pemegang Akaun akan menjual mata wang kepada HLISB untuk mata wang lain secara serta merta pada kadar pertukaran semasa HLISB.

### **KELAYAKAN**

2. Semua individu warganegara Malaysia berumur **dua belas (12) tahun** ke atas (“**Pemegang Akaun**”) boleh memohon Akaun HLB Wallet-i (“**HLB Wallet-i**”). Individu bukan warganegara Malaysia tidak layak untuk membuka HLB Wallet-i.
3. Deposit permulaan minimum untuk membuka HLB Wallet-i ialah **Ringgit Malaysia Lima Puluh (RM50)**, melainkan diberitahu sebaliknya oleh HLISB.
4. Tiada buku akaun akan dikeluarkan untuk HLB Wallet-i.

## **PEMBUKAAN AKAUN**

5. HLB Wallet-i ini boleh dimohon melalui pelbagai saluran yang disediakan oleh HLISB/Hong Leong Bank Berhad (“HLB”) dari semasa ke semasa.

## **SYARAT PEMBUKAAN AKAUN UNTUK INDIVIDU BAWAH UMUR**

6. Bagi individu yang berumur di bawah **lapan belas (18) tahun (“Minor”)**, kebenaran daripada ibu atau bapa mestilah diperolehi (tertakluk pada item a) di bawah) (dalam bentuk yang memenuhi kehendak HLISB) dan butiran ibu atau bapa tersebut hendaklah diberikan kepada HLISB untuk permohonan HLB Wallet-i. Deposit pertama (seperti item b) di bawah) yang dilakukan oleh ibu atau bapa tersebut ke dalam HLB Wallet-i akan memberi hak kepada HLISB untuk menganggap deposit pertama tersebut sebagai persetujuan dan aku janji ibu atau bapa telah diperolehi dan T&S ini akan terpakai kepada ibu atau bapa tersebut, tertakluk pada perkara berikut:-
  - a) Ibu atau bapa mestilah berumur **dua puluh satu (21) tahun** lebih tua daripada Minor;
  - b) Untuk pengaktifan akaun, ibu atau bapa dikehendaki melakukan deposit pertama melalui pindahan dana daripada akaun bank ibu atau bapa dari mana-mana bank dalam Malaysia.
7. Setiap Minor boleh membuka satu (1) HLB Wallet-i sahaja.
8. Setiap ibu atau bapa hanya boleh memberi persetujuan berkenaan dengan permohonan HLB Wallet-i untuk maksimum tiga (3) orang Minor sahaja.

## **HAD AKAUN**

9. Bagi Pemegang Akaun berumur **lapan belas (18) tahun** dan ke atas, had baki maksimum bagi HLB Wallet-i adalah **Ringgit Malaysia Empat Ribu Sembilan Ratus Sembilan Puluh Sembilan (RM4,999) (“Had”)**.
  - a) Pemegang Akaun yang berkelayakan boleh menaik taraf HLB Wallet-i mereka kepada HLB Wallet+ di mana tiada had baki akaun maksimum yang ditetapkan;
  - b) Proses menaik taraf boleh dilakukan semasa permohonan atau kemudiannya melalui HLB Connect; dan
  - c) Pemegang Akaun HLB Wallet+ layak untuk “Ciri Pelbagai Mata Wang” atau “MCF” (rujuk kepada Klausula 19 hingga 20.8).
10. Had baki maksimum HLB Wallet-i bagi akaun Minor adalah **Ringgit Malaysia Dua Ribu Lima Ratus (RM2,500)**. Had transaksi harian ditetapkan pada **Ringgit Malaysia Enam Ratus (RM600)** di mana:
  - a) Pembayaran dalam talian dan pindahan dana **melalui Aplikasi HLB Connect** (termasuk tambah nilai prabayar, QR Pay, dan DuitNow QR) dihadkan pada **Ringgit Malaysia Dua Ratus (RM200)** sehari;
  - b) Urus niaga runcit menggunakan Kad Debit-i dihadkan pada **Ringgit Malaysia Dua Ratus (RM200)** sehari; dan
  - c) Pembelian dalam talian menggunakan Kad Debit-i dihadkan pada **Ringgit Malaysia Dua Ratus (RM200)** sehari.
    - Pembelian dalam talian menggunakan Kad Debit-i **HANYA DIBENARKAN** untuk peniaga **3D Secure (3DS)**. Pelanggan dikehendaki untuk melengkapkan langkah pengesahan tambahan melalui kod yang dihantar kepada telefon pelanggan untuk melengkapkan pembayaran 3DS.

Had di atas hanya boleh dinaikkan kepada **Ringgit Malaysia Empat Ribu Sembilan Ratus Sembilan Puluh Sembilan (RM4,999)** melalui pengesahan biometrik di mana-mana cawangan HLISB/HLB apabila Minor telah mencapai umur **lapan belas (18) tahun**.

## KEUNTUNGAN

11. Tiada keuntungan akan dibayar ke atas HLB Wallet-i.

## PULANGAN TUNAI

12. Pemegang Akaun berhak untuk mendapat Pulangan Tunai bulanan yang dihadkan pada **Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10)** untuk pembayaran digital terpilih ("**Pembayaran Digital Layak**").
13. "**Pembayaran Digital Layak**" ditakrifkan sebagai transaksi pembayaran yang dibuat daripada HLB Wallet-i melalui Perbankan Dalam Talian HLB Connect dan Aplikasi HLB Connect ("**HLB Connect**") seperti berikut:
- QR Pay (DuitNow QR) kepada perniagaan sahaja;
  - Pindahan dana;
  - Bayaran Bil; dan
  - Tambah Nilai Prabayar

Untuk mengelakkan keraguan, Pindahan Dana merujuk kepada DuitNow ke Akaun, DuitNow ke Telefon Mudah Alih, Pindahan Pihak Ketiga dan Pindahan IBG yang dilakukan melalui HLB Connect. Pindahan ke Akaun Sendiri dan Pindahan Luar Negara TIDAK terpakai.

14. Pulangan Tunai akan dikreditkan serta-merta ke dalam HLB Wallet-i Pemegang Akaun dan rekod pengkreditan akan dipaparkan dalam sejarah transaksi HLB Wallet-i Pemegang Akaun serta-merta.
15. Butiran Pulangan Tunai yang tersedia adalah seperti berikut:

Pembayaran Digital Layak	Pulangan Tunai Setiap Pembayaran (RM)	Bayaran Minimum untuk Layak (RM)	Pulangan Tunai Bulanan Maksimum	
			Bayaran Layak (#)	Amaun Pulangan Tunai (RM)
QR Pay (DuitNow QR) kepada perniagaan sahaja	0.25	15.00	18	4.50
Pindahan Dana	0.25	50.00	6	1.50
Bayaran Bil	1.00	50.00	3	3.00
Tambah Nilai Prabayar	1.00	50.00	1	1.00
<b>Jumlah Pulangan Tunai Bulanan Maksimum (RM)</b>				<b>10.00</b>

a) Ilustrasi ringkas mengenai Pulangan Tunai:

Februari 2024	Jenis pembayaran	Amaun Pembayaran (RM)	Pulangan Tunai Setiap Pembayaran (RM)
Hari 1	QR Pay (DuitNow QR) kepada perniagaan	20.00	0.25
Hari 2	QR Pay (DuitNow QR) kepada perniagaan	18.00	0.25
Hari 3	QR Pay (DuitNow QR) kepada perniagaan	15.00	0.25
Hari 5	QR Pay (DuitNow QR) kepada perniagaan	10.00	*Tidak layak
Hari 6	Bayaran Bil	60.00	1.00
Hari 8	Pindahan dana	100.00	0.25
Hari 9	Pindahan dana	30.00	*Tidak layak
Hari 10	Bayaran Bil	100.00	1.00

Hari 12	Bayaran Bil	30.00	*Tidak layak
Hari 13	Bayaran Bil	80.00	1.00
Hari 20	Tambah Nilai Prabayar	50.00	1.00
Hari 22	Tambah Nilai Prabayar	30.00	*Tidak layak
Hari 25	Tambah Nilai Prabayar	70.00	^Had bulanan telah dipenuhi
<b>Jumlah Maksimum Pulangan Tunai Bulanan Yang Layak (RM)</b>			<b>5.00</b>

\* Tidak layak kerana tidak memenuhi syarat bayaran minimum.

^ Pulangan tunai untuk Tambah Nilai Prabayar dihadkan pada RM1 sebulan, yang telah diberikan pada Hari ke-20.

16. Pemegang Akaun akan menikmati Pulangan Tunai sehingga 31 Disember 2025. Selepas itu, HLISB akan menghantar e-mel terus kepada Pemegang Akaun atau mengeluarkan notifikasi dalam media massa, menyiarkan notis di laman sesawang HLISB di [www.hlisb.com.my](http://www.hlisb.com.my) ("**Laman Sesawang HLISB**") atau menggunakan mana-mana kaedah yang HLISB anggap praktikal untuk memaklumkan mengenai penyambungan, pengubahsuaian atau pindaan ciri produk ini.
17. HLISB berhak, atas budi bicaranya untuk menyemak semula kelayakan Pulangan Tunai dengan memberi notis awal dari semasa ke semasa.

### **KAD DEBIT-i**

18. Kecuali dan melainkan jika Pemegang Akaun memiliki Kad Debit-i sedia ada yang dikeluarkan oleh HLISB kepada Pemegang Akaun, Kad Debit-i akan dikeluarkan kepada Pemegang Akaun tanpa sebarang caj setelah pengaktifan HLB Wallet-i berjaya.
  - 18.1 Setiap Pemegang Akaun hanya akan diberikan satu (1) Kad Debit-i dan Pemegang Kad boleh memautkan mana-mana Akaun Simpanan-i atau Akaun Semasa-i HLISB kepada Kad Debit-i untuk membuat Transaksi Pembelian Runcit.
    - Untuk Minor, pengeluaran tunai melalui ATM di dalam dan luar negara adalah tidak dibenarkan.
  - 18.2 Permohonan untuk Kad Junior Debit-i bagi Minor memerlukan kehadiran Minor dan ibu atau bapa mereka (rujuk kepada Klausa 6) di mana-mana cawangan HLISB/HLB di seluruh negara. Ibu atau bapa tersebut dikehendaki mengemukakan bukti perhubungan dengan Minor dalam bentuk sijil kelahiran atau surat hak penjagaan Minor daripada mahkamah.

### **CIRI PELBAGAI MATA WANG**



19. "**Ciri Pelbagai Mata Wang**" atau "**MCF**" merujuk kepada mata wang asing yang disimpan dalam HLB Wallet+ yang membolehkan Pemegang Akaun HLB Wallet+ untuk:
  - (a) menyimpan mata wang asing yang diluluskan oleh HLISB dari semasa ke semasa;
  - (b) menukar Ringgit Malaysia ke mata wang asing atau sebaliknya dalam HLB Wallet+ Pemegang Akaun melalui HLB Connect;
  - (c) menukar satu mata wang asing ke mata wang asing yang lain dalam HLB Wallet+ Pemegang Akaun melalui HLB Connect;
  - (d) mengeluarkan mata wang asing daripada Akaun Pemegang Akaun yang telah diaktifkan dengan MCF di ATM luar negara; dan
  - (e) memindahkan mata wang asing daripada Akaun HLB Wallet-i mereka melalui Pemindahan Keluar Telegraf yang dilakukan di cawangan HLISB/HLB atau HLB Connect.

20. Berikut merupakan terma dan syarat ("**T&S MCF**") yang terpakai bagi MCF yang diaktifkan untuk Pemegang Akaun HLB Wallet+ yang berumur **lapan belas tahun (18) dan ke atas sahaja**.

- 20.1 Mata wang asing yang disimpan dalam HLB Wallet+ beroperasi tanpa tunai. Tiada penerimaan mata wang asing fizikal melalui mana-mana saluran daripada Pemegang Akaun yang akan dikreditkan ke dalam HLB Wallet+.
- 20.2 Mata wang yang tersedia untuk MCF adalah ditentukan oleh HLISB dari semasa ke semasa. Sekiranya HLISB memperkenalkan mata wang asing baru, T&S MCF ini akan terpakai untuk mata wang baru tersebut. Sebarang variasi atau pengenalan mata wang baru boleh didapati di Laman Sesawang HLISB.
- 20.3 HLISB bukanlah platform dagangan mata wang. Semua Pemegang Akaun dinasihatkan supaya tidak menggunakan atau menyalahgunakan perkhidmatan HLISB, termasuk HLB Wallet+ untuk tujuan menjalankan perdagangan mata wang.
- 20.4 Pemegang Akaun mengaku dan bersetuju bahawa terdapat risiko yang terlibat dalam transaksi mata wang asing termasuk tetapi tidak terhad kepada risiko perubahan kadar pertukaran, penilaian dan penurunan nilai mata wang, cukai, pemindahan paksaan atau perubahan dalam dasar kerajaan atau sebab-sebab lain yang di luar kawalan HLISB.
- 20.5 Pemegang Akaun bersetuju bahawa HLISB berhak untuk melakukan penukaran atau penukaran semula mana-mana mata wang sebagaimana yang disyaratkan oleh undang-undang, mana-mana peraturan dan undang-undang yang berkenaan dan/atau HLISB untuk pembayaran, pemotongan dan/atau penahanan sebarang fi, caj, cukai atau pungutan lain. HLISB tidak akan bertanggungjawab kepada Pemegang Akaun atau mana-mana pihak lain atas sebarang kerugian yang dialami atau ditanggung oleh Pemegang Akaun atau mana-mana pihak lain disebabkan oleh penukaran atau penukaran semula berdasarkan Klausula 20.5 ini.
- 20.6 MCF diklasifikasikan sebagai Akaun Pelaburan Mata Wang Asing (FCA). Untuk butiran lanjut, sila rujuk kepada [Helaian Fakta Notis Dasar Pertukaran Asing \(Peraturan Terpakai kepada Pemastautin\) Individu](#)
- 20.7 HLISB tidak akan bertanggungjawab di atas pengurangan nilai mata wang deposit disebabkan oleh cukai, cukai tambahan, susut nilai atau penurunan nilai, atau untuk ketiadaan mana-mana mata wang disebabkan oleh sekatan ke atas penukaran, perolehan, pemindahan paksaan, penggunaan kuasa tentera atau rampasan kuasa, atau sebab-sebab lain yang di luar kawalan kami.
- 20.8 Bagi HLB Wallet+ yang dianggap tidak aktif, semua mata wang asing akan ditukar kembali kepada Ringgit Malaysia berdasarkan kadar tukaran semasa **dua (2)** hari sebelum dana dipindahkan kepada Pendaftar Wang Tidak Dituntut seperti yang diperuntukkan di dalam Akta Wang Tidak Dituntut 1965.

## **FI DAN CAJ**

21. Fi dan caj standard untuk Akaun HLB Wallet-i ini dan Kad Debit-i Hong Leong akan dikenakan. Sila layari Laman Sesawang HLISB atau imbas kod QR di bawah untuk mendapatkan maklumat lanjut. HLB Wallet-i diklasifikasikan sebagai akaun simpanan. Sila rujuk bahagian Akaun Simpanan dalam Fi dan Caj.

Akaun	Kad Debit-i
<p data-bbox="296 248 767 309"><a href="http://www.hlisb.com.my/ms/personal-i/help-support/fees-and-charges/deposit-i.html">www.hlisb.com.my/ms/personal-i/help-support/fees-and-charges/deposit-i.html</a></p> 	<p data-bbox="970 248 1251 273"><a href="http://www.hlisb.com.my/dci2">www.hlisb.com.my/dci2</a></p> 

### **PENYATA AKAUN**

22. Penyata akaun akan dikeluarkan secara elektronik pada setiap bulan.

### **VARIASI CIRI PRODUK**

23. HLISB berhak untuk mengeluarkan, meminda, mengubah atau menukar mana-mana ciri produk untuk HLB Wallet-i pada bila-bila masa mengikut Klausa 24 di dalam T&S ini.

### **UMUM**

24. **Pindaan:** HLISB berhak menurut budi bicaranya untuk menambah, menggugurkan, menggantung atau meminda terma dan syarat yang terkandung di sini, sama ada secara keseluruhan atau sebahagian, pada bila-bila masa dengan memberi notis **dua puluh satu (21)** hari terlebih dahulu dengan menyiarkannya di Laman Sesawang HLISB atau dengan apa-apa cara yang dianggap sesuai oleh HLISB. Pemegang Akaun bersetuju untuk melayari laman sesawang tersebut dari semasa ke semasa untuk menyemak terma dan syarat dan memastikan supaya sebarang perubahan atau pindaan kepada terma dan syarat sentiasa diikuti.

25. **Penyalahgunaan Akaun:** Pemegang Akaun diingatkan untuk sentiasa melindungi HLB Wallet-i mereka dan jangan sekali-kali membenarkannya digunakan oleh sesiapa selain daripada mereka sendiri. Sebarang penyalahgunaan HLB Wallet-i boleh atau mungkin membawa kepada tindakan undang-undang.

**Ahli PIDM. HLB Wallet-i dan HLB Wallet+ dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.**

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai T&S ini, sila e-mel kami di [hlonline@hlbb.hongleong.com.my](mailto:hlonline@hlbb.hongleong.com.my).